

Air Sungai Golok naik

YATIMIN ABDULLAH | 21 Disember 2016 2:15 PM



Air Sungai Golok sudah melimpahi tebing dan berada pada paras 8.9 meter di Rantau Panjang, pagi ini. -UTUSAN ONLINE

PASIR MAS 21 Dis. - Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang hari ini mula mencecah kepada tahap amaran apabila air meningkat melebihi lapan meter biarpun cuaca panas di kawasan tersebut.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Mohd. Adni Ibrahim berkata, peningkatan paras air Sungai Golok itu mula berlaku kira-kira pukul 6 pagi tadi.

“Peningkatan paras air itu berpunca dari air Sungai Jenok (Jeli) dan Sungai Weng (Thailand) dari hulu telah mengalir dan masuk ke Sungai Golok.

“Keadaan tersebut menyebabkan berlaku peningkatan kepada air Sungai Golok ketika ini,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Mohd. Adni memberitahu, pihaknya sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia untuk berdepan sebarang kemungkinan berlaku banjir.

Katanya, semua anggota dan kelengkapan logistik berada pada tahap terbaik pada ketika ini.

“Kita meminta orang ramai supaya sentiasa berjaga-jaga kerana paras air akan terus meningkat jika kawasan hulu masih hujan,” katanya.- UTUSAN ONLINE